

Kadar inflasi Malaysia dijangka paling rendah di Asia Tenggara

KUALA LUMPUR: Malaysia dijangka mengalami inflasi yang paling rendah sekitar 3.2 peratus tahun ini jika dibandingkan dengan negara serantau lain berikutan perlindungan impak harga tenaga yang tinggi susulan pemberian subsidi kerajaan, demikian menurut RHB Research.

Jika dibandingkan dengan negara lain, contohnya Thailand, cabang penyelidikan RHB Banking Group itu menjangkakan negara jiran itu akan mencatatkan kadar inflasi tertinggi di rantau ini iaitu pada 6.2 peratus bagi 2022.

Secara umum, penganalisis ekonomi serantau RHB Research menjangkakan inflasi bakal mencapai paras puncaknya merentasi pasaran pada suku kedua 2022 atau suku ketiga 2022 dan mula reda menuju hujung tahun.

"Walau bagaimanapun, risiko lebih cenderung kepada peningkatan inflasi susulan konflik Russia-Ukraine dan sekatan pergerakan di China yang belum menemui jalan penamat," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Berdasarkan perangkaan dikeluarkan **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**, inflasi Malaysia, yang diukur daripada Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 4.4 peratus kepada 127.9 pada Julai 2022 berbanding 122.5 pada bulan yang sama tahun sebelumnya, didorong oleh kenaikan harga makanan.

Ia berkata, peningkatan kadar inflasi itu adalah lebih tinggi berbanding 3.4 peratus yang dicatatkan pada Jun 2022.

Dari segi pelaburan dalam saham berkaitan produk pengguna, RHB Research berkata, dengan persekitaran inflasi meningkat, pelabur sepatutnya memfokuskan dan mengutamakan syarikat yang berkemampuan menaikkan harga produk.

Ia berkata, pihaknya meneliti dan menilai kekuatan dan sifat firma pengguna di bawah liputan serantaunya dalam kemampuan mereka untuk menyesuaikan diri dengan peningkatan inflasi.

"Secara asasnya, kami percaya fleksibiliti permintaan produk, bahagian pasaran dan tahap pengawalan menjadi faktor utama dalam menentukan kemampuan syarikat dalam penetapan harga.

"Berdasarkan pertimbangan berkenaan, kami memilih 10 saham di bawah liputan serantau kami: Indofood CBP (ICBP), Mayora Indah (MYOR), Mitra Adiperkasa (MAPI), Heineken Malaysia, Mr DIY, Padini, Sheng Siong (SSG), Food Empire, Central Retail Corp (CRC), Berli Jucker dan Minor International (MINT)," katanya.

RHB Research berkata, inflasi secara umumnya menjejaskan kuasa beli pengguna yang mendorong mereka menjadi lebih memilih dalam melakukan perbelanjaan dengan mengutamakan barangan keperluan atau beralih kepada barangan alternatif lebih murah demi menjimatkan perbelanjaan.

Dari segi perspektif perniagaan, ia berkata, mekanisme pelepasan kos adalah tidak mudah untuk dilaksanakan kerana pemilik perniagaan perlu mengimbangkan antara keberuntungan dengan permintaan pengguna, bergantung pada keadaan pasaran, sentimen pengguna dan sebagainya.

"Sebaliknya, kadar faedah yang meningkat kemudiannya mungkin memperlahankan pertumbuhan syarikat yang mempunyai paras penggearan tinggi, memandangkan pencairan perolehan dan risiko pelaburan lebih besar boleh berlaku akibat kos pembiayaan yang tinggi.

"Sementara itu, nilai mata wang tempatan yang lebih rendah sepatutnya memberikan manfaat kepada pengekspor dan merangsang perniagaan berkaitan pelancongan," katanya.

<https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2022/09/1000990/kadar-inflasi-malaysia-dijangka-paling-rendah-di-asia-tenggara>